

# LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihargai,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai perkhidmatan dagangan saham dan akaun anda yang disediakan oleh Public Bank Berhad.



Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapatinya berguna, **anda juga harus membacanya juga.**

Tarikh : \_\_\_\_\_

## KETAHUI PRODUK ANDA

<b>Nama Produk dan Huraian</b>	<b>PB SHARELINK ("PBS")</b>	
	Produk yang direka untuk memudahkan perdagangan dan pelaburan anda dalam saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad ("BURSA").	
<b>Kelas Produk dan Huraian</b>	<b>KEMUDAHAN MARGIN SAHAM ("SMF")</b>	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>SMF ialah kemudahan kredit yang disediakan oleh Public Bank ("Bank") kepada anda sebagai pelabur bagi tujuan membiayai pembelian saham yang disenaraikan di BURSA.</li> <li>Ia adalah kemudahan yang dijamin dengan saham, tunai dan/atau deposit tetap yang dicagarkan oleh anda kepada Bank. Ini membolehkan anda meleveraj aset anda yang sedia ada untuk meningkatkan kuasa pembelian anda berdasarkan Had Dagangan harian yang ditetapkan dan mempermodakan peluang baharu muncul dalam pasaran saham.</li> </ul>	
<b>Jenis Produk dan Huraian</b>	<b>Margin – Faedah Khas ("MASP")</b>	<b>Margin Campur Perdagangan – Faedah Khas ("MTSP")</b>
	Had dagangan ditetapkan berdasarkan gandaan margin bagi cagaran anda yang disandarkan. Aktiviti dagangan dibuat melalui Public Investment Bank Berhad ("PIVB").	Had dagangan ditetapkan berdasarkan gabungan margin dan gandaan dagangan bagi cagaran anda yang disandarkan. Aktiviti dagangan dibuat melalui PIVB.
<b>Had Kredit</b>	Minimum – RM250,000 Maksimum – Tertakluk kepada penilaian kredit	
<b>Cagaran Boleh Terima dan Gandaan yang Diterima Pakai (Lihat Nota 1 Jadual I untuk ilustrasi)</b>	<u>Gandaan Margin</u> Tunai <sup>1</sup> / FD <sup>2</sup> : 2.5 kali Saham <sup>3</sup> : 1.5 kali	<u>Gandaan Margin dan Dagangan</u> Tunai <sup>1</sup> / FD <sup>2</sup> : 2.5 + 1 = 3.5 kali Saham <sup>3</sup> : 1.5 + 1 = 2.5 kali
	<sup>1</sup> Baki kredit dalam Akaun Semasa PBS. <sup>2</sup> Deposit Tetap yang dikekalkan dengan Bank dan disandarkan sebagai cagaran untuk kemudahan SMF. <sup>3</sup> Nilai saham yang disandarkan sebagai cagaran untuk kemudahan SMF adalah tertakluk kepada nilai yang ditetapkan oleh Bank.	
<b>Penentuan Harga/ Kadar yang Ditetapkan (% setahun)</b>	Individu : SBR + 1.22% Syarikat : BLR – 2.50% SBR = Kadar Asas Standard. BLR = Kadar Pinjaman Asas. Layari <a href="https://pbepbank.com">https://pbepbank.com</a> untuk maklumat terkini mengenai SBR dan BLR. Faedah dikira atas baki harian dan dipermodakan setiap bulan. SBR ditetapkan sebagai Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia. SBR boleh naik atau turun berikutan perubahan dalam OPR. Kadar yang ditetapkan dan amaun faedah yang dikenakan ke atas akaun anda akan diselaraskan sewajarnya.	
<b>Fi Komitmen (% setahun)</b>	Pada kadar 1.0% setahun ke atas bahagian yang tidak dikeluarkan daripada had kredit yang diluluskan.	
<b>Nisbah Pinjaman kepada Sekuriti (LSR)</b>	$\frac{\text{Baki Belum Jelas – FD}}{\text{Nilai Saham Bank yang Dicagarkan kepada Bank}} = 60\%$	
<b>Panggilan Margin</b>	Apabila LSR $\geq$ 70%. Anda mesti menampung kekurangan dalam tempoh 3 hari dagangan dari tarikh Panggilan Margin.	
<b>Jual Paksa</b>	Apabila LSR adalah $\geq$ 80% atau apabila Panggilan Margin tamat, mana-mana yang lebih awal. Jualan paksa saham anda akan dimulakan serta-merta.	
<b>Lebih Had Kredit</b>	Apabila baki belum jelas dalam Akaun Semasa PB Sharelink anda melebihi Had Kredit yang Diluluskan. Anda mesti menampung kekurangan dalam tempoh 3 hari dagangan dari tarikh Lebih Had Kredit. Kadar faedah mungkir sebanyak 1% akan dikenakan ke atas amaun Lebih Had Kredit.	

Akaun yang berikut akan dibuka untuk anda setelah permohonan PB Sharelink – SMF anda diluluskan:

Akaun Semasa PBS	Akaun Dagangan	Akaun Sistem Depositori Pusat ("CDS")
Akaun akan dibuka dengan Bank. Akaun ini digunakan bagi tujuan pendanaan dan penyelesaian kontrak Beli dan Jual anda dan untuk melanggan kelayakan tindakan korporat. <b>DILINDUNGI OLEH PIDM SETAKAT RM250,000 BAGI SETIAP PENDEPOSIT</b>	Akaun akan dibuka dengan PIVB di bawah nama Public Nominees (Tempatan) / (Asing) Sdn Bhd ("PNOM") sebagai pemilik berdaftar dan anda sebagai pemilik benefisial saham. Akaun tersebut adalah untuk memudahkan aktiviti dagangan saham anda.	Akaun akan dibuka dengan PIVB dan disenggara dengan Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd ("BMD") di bawah nama PNOM sebagai pemilik berdaftar dan anda sebagai pemilik benefisial saham. Ini ialah Akaun Sekuriti Cagaran Nomini. Akaun ini adalah untuk menyimpan saham yang dipegang oleh anda. <b>SAHAM YANG DIPEGANG – TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM</b>

## KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

1. Fi dan caj minimum yang berikut perlu dibayar ketika penerimaan akaun PBS SMF anda yang diluluskan bagi mengaktifkan akaun tersebut:

<b>Duti Setem Ad-valorem untuk Perjanjian Pembiayaan Margin Saham ("SMFA")</b>	0.5% daripada Had Kredit yang Diluluskan
<b>Penyeteman Nominal untuk:</b>	-
• Perjanjian Nomini	RM10
• Memorandum Deposit	RM10
• Surat Tawaran	RM10
• Salinan Pendua SMFA	RM10
<b>Pembukaan Akaun CDS dengan BMD</b>	RM10 *
<b>Fi Pemprosesan</b>	RM50 *

Layari <https://pbebank.com> untuk senarai lengkap fi dan caj yang berkenaan untuk produk PB Sharelink .

Nota (\*) - Tertakluk pada peruntukan Peraturan Cukai Perkhidmatan (ST), Fi ini mungkin tertakluk kepada ST.

- Sentiasa ambil maklum mengenai status akaun PB Sharelink – SMF anda dan segera memulihkan posisi akaun dalam tempoh yang diberikan jika ia berada dalam posisi Panggilan Margin, Jualan Paksa atau Lebihan Had Kredit. Bank mungkin menjual paksa saham anda, menggunakan dana daripada akaun lain dengan Bank atau mengambil tindakan undang-undang untuk mendapatkan semula baki belum jelas.
- Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin menjejaskan penarafan kredit anda yang menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.
- Keseluruhan baki belum jelas, termasuk jumlah pokok, faedah dan apa-apa fi dan caj lain mesti dibayar balik apabila diminta.
- Sentiasa ambil maklum tentang hak kelayakan tindakan korporat anda. Maklumkan kepada kami dengan segera tentang keputusan anda bagi mengelakkan peluputan hak kelayakan.
- Sentiasa maklumkan kepada kami mengenai apa-apa perubahan pada butiran untuk menghubungi anda bagi memastikan semua komunikasi dan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.





## KETAHUI RISIKO DAN MANFAAT ANDA

RISIKO	MANFAAT
<p>Akaun PB Sharelink SMF dan pelaburan dalam saham anda mungkin tertakluk pada risiko-risiko utama yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Risiko Leveraj</li> <li>➢ Risiko Pasaran</li> <li>➢ Risiko Kecairan</li> <li>➢ Risiko Syarikat</li> <li>➢ Risiko Pengawalseliaan</li> <li>➢ Risiko Inflasi</li> </ul> <p>Lihat Nota 2 daripada Jadual 1 untuk takrifan risiko-risiko ini</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>➢ Kadar faedah yang menarik dikenakan.</li> <li>➢ Peroleh faedah atas baki kredit dalam Akaun Semasa PBS anda jika anda seorang individu.</li> <li>➢ Akses percuma kepada platform dagangan saham dalam talian dengan harga dan maklumat saham masa nyata.</li> <li>➢ Cara yang ringkas dan mudah untuk menandatangani dan mengemas kini baki akaun dan had dagangan secara automatik selepas deposit (tidak termasuk deposit cek).</li> <li>➢ Sokongan yang lancar daripada Unit Pelaburan Saham Bank ("SIU") untuk semua keperluan pelaburan dan akaun anda.</li> </ul>

## SYARAT UTAMA LAIN

- ✓ Pembukaan akaun PB Sharelink tertakluk pada kelulusan Bank. Operasi akaun dan dagangan saham dikawal oleh undang-undang Malaysia dan polisi Bank, pembroker saham / bank pelaburan yang dilantik, PIVB serta pihak berkuasa pengawalseliaan.
- ✓ Akaun PB Sharelink MASP atau MTSP anda tidak boleh digunakan untuk permohonan Tawaran Awam Permulaan (IPO).
- ✓ Saham yang dicagarkan dan dibeli tertakluk pada penilaian/ had Bank dan lain-lain kawalan contohnya Had Pendedahan Kaunter Tunggal ("SCEL") dan Had Spread Kaunter ("CSL"). Sekiranya SCEL dan/atau CSL dimungkirkan, saham anda akan diklasifikasikan sebagai "tidak layak untuk margin" dan tiada nilai akan diberikan kepada saham ini. Sekiranya akaun anda mencapai panggilan margin atau jualan paksa disebabkan oleh klasifikasi tersebut atau disebabkan oleh penurunan nilai saham yang ditetapkan oleh Bank, anda dikehendaki membetulkan kemungkirkan margin dalam tempoh masa yang diberikan.
- ✓ Dokumen ini merupakan lembaran pendedahan produk dan bertujuan untuk memberikan maklumat sahaja. Ia bukan perjanjian atau pengganti kepada terma dan syarat penuh produk.

## CARA UNTUK MENDAPATKAN BANTUAN DAN PENYELESAIAN

<p><b>Jika anda mempunyai apa-apa soalan, maklumbalas, aduan atau memerlukan bantuan mengenai produk PB Sharelink atau perkhidmatan kami, anda boleh:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li> Kunjungi/ Hubungi Unit Pelaburan Saham kami. Senarai alamat dan nombor telefon boleh didapati melalui <a href="http://www.pbebank.com.my">www.pbebank.com.my</a></li> <li> E-mel kami melalui <a href="mailto:shareinvest@publicbank.com.my">shareinvest@publicbank.com.my</a> atau <a href="mailto:customerservice@publicbank.com.my">customerservice@publicbank.com.my</a></li> <li> Hubungi kami melalui talian Perkhidmatan Pelanggan kami di 03-2170 8000</li> <li> Beri maklumat di bahagian Contact Us di laman web kami di <a href="http://www.pbebank.com.my">www.pbebank.com.my</a>.</li> </ul>	<p><b>Jika anda tidak berpuas hati dengan penyelesaian kami bagi pertanyaan atau aduan anda, anda boleh menghubungi:</b></p> <p>Bank Negara Malaysia ("BNM")          Blok D, Bank Negara Malaysia,          Jalan Dato' Onn 50480, Kuala Lumpur          Telefon : 1-300-88-5465 atau melalui borang web di <a href="http://bnmlink.bnm.gov.my">bnmlink.bnm.gov.my</a></p> <p>Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan ("FMOS")          Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takafu          Malaysia No 4 Jalan Sultan Sulaiman 50000          Kuala Lumpur. Telefon: 03-2272 2811          Laman web: <a href="http://www.fmos.org.my">www.fmos.org.my</a></p>	<p><b>Kesukaran membuat pembayaran balik dan cara alternatif</b></p> <p>Hubungi pihak di atas atau hubungi Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit ("AKPK") – sebuah agensi yang ditubuhkan oleh BNM untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang secara percuma kepada individu. Anda boleh mengakses <a href="http://www.akpk.org.my">www.akpk.org.my</a> untuk maklumat lanjut.</p>
<p><b>Perakuan Pelanggan (*)</b></p> <p>Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan:</p> <p>[ ] Saya mengakui bahawa Public Bank Berhad telah memberikan sesalinan PDS dan Jadualnya kepada saya.</p> <p>[ ] Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS dan Jadualnya.</p> <p>(*) Perakuan pelanggan terhadap PDS ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya berlaku pertikaian berhubung dengan terma dan syarat produk pada masa akan datang.</p>	<p>Tandatangan</p> <p>_____</p> <p>Nama :</p> <p>Tarikh :</p>	

# JADUAL I

## Nota 1 : Ilustrasi Pengiraan Had Dagangan dan LSR

	MA atau E-SMF			MT		
	CB	FD	BSV	CB	FD	BSV
Had Kredit yang Diluluskan ("ACL")	100,000			100,000		
Nilai (a)	10,000 CR	5,000	50,000	10,000 CR	5,000	50,000
Gandaan Margin (b)	2.5x (termasuk nilai CB)	2.5x	1.5x	2.5x (termasuk nilai CB)	2.5x	1.5x
Nilai x Gandaan Margin (c) = (a) x (b)	10,000 + 15,000 = 25,000	12,500	75,000	10,000 + 15,000 = 25,000	12,500	75,000
Tunai/ Baki Margin (d)	(A)	25,000 + 12,500 + 75,000 = 112,500		(A)	25,000 + 12,500 + 75,000 = 112,500	
	(B)	ACL + CB = 100,000 + 10,000 = 110,000		(B)	ACL + CB = 100,000 + 10,000 = 110,000	
	Oleh itu, Tunai/ Baki Margin = (A) or (B), mana yang lebih rendah = 110,000			Oleh itu, Tunai/ Baki Margin = (A) or (B), mana yang lebih rendah = 110,000		
pengiraan LSR	<p><i>Andaian:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><i>Keseluruhan Baki Tunai/ Margin sebanyak RM110,000 digunakan untuk membeli saham.</i></li> <li><i>Nilai Bank bagi saham yang dibeli ialah RM1.00 sesaham, oleh itu, RM110,000 akan ditambah sebagai BSV.</i></li> </ul>					
	$\begin{aligned} & [(Baki\ Belum\ Jelas - FD) / BSV] \times 100 \\ & = [(110,000 - 10,000 - 5,000) / 50,000 + 110,000] \times 100 \\ & = [95,000 / 160,000] \times 100 \\ & = 59.38\% \end{aligned}$					
Gandaan Dagangan (e)	-	-	-	1x	1x	1x
Nilai x Gandaan Dagangan (f) = (a) x (e)	-	-	-	10,000	5,000	50,000
Baki Dagangan (g)	-			65,000 (#)		
Jumlah Baki Boleh Guna (h) = (d)+(g)	110,000			175,000		
<b>Nota</b>						
CB	Baki sebenar dalam Akaun Semasa PB Sharelink selepas mengambilkira amaun penyelesaian dagangan yang belum selesai untuk kontrak Beli dan/atau Jual, termasuk kos urus niaga yang dikenakan oleh BURSA dan duti setem kontrak.					
FD	Jumlah nilai Resit Deposit Tetap yang disandarkan sebagai cagar untuk menjamin SMF.					
BSV	Nilai yang ditetapkan oleh Bank bagi saham dalam portfolio saham anda.					
#	Pelanggan perlu mendeposit untuk menyelesaikan kontrak yang dibeli di bawah "Baki Dagangan" pada tarikh hari penyelesaian – T+2.					

## Nota 2 : Takrifan Risiko

Risiko Leveraj	Ini merupakan risiko daripada pelaburan anda menggunakan wang yang dipinjam. Ini termasuk kemungkinan ketidakupayaan untuk membayar balik pinjaman atau faedah, serta risiko untuk menambah lebih banyak tunai atau sekuriti kepada akaun anda sekiranya pelaburan anda kehilangan nilai dan mencetuskan panggilan margin atau jualan paksa. Risiko leveraj tidak wujud secara terpencil; lazimnya ia merupakan akibat ketara daripada risiko-risiko lain seperti Risiko Pasaran, Risiko Kecairan, Risiko Syarikat dan Risiko Pengawalseliaan.
Risiko Pasaran	Ini merupakan risiko bahawa pelaburan anda akan kehilangan nilai disebabkan oleh pergerakan pasaran keseluruhan. Kemelesetan pasaran boleh mengurangkan nilai pelaburan berleveraj anda dengan ketara dan boleh segera membawa kepada panggilan margin. Dengan leveraj, penyesuaian kecil pasaran boleh memberi kesan ketara yang tidak seimbang kepada nilai portfolio anda.
Risiko Kecairan	Ini merupakan risiko bahawa anda tidak dapat menjual pelaburan anda dengan cukup cepat tanpa mengalami kerugian ketara. Jika anda menerima panggilan margin semasa tempoh kecairan pasaran yang rendah, mungkin sukar untuk menjual aset untuk mendapatkan tunai. Anda lebih berkemungkinan untuk menghadapi jualan paksa oleh pembiaya kerana anda tidak dapat memenuhi panggilan margin sendiri.
Risiko Syarikat	Ini merupakan risiko bahawa saham syarikat tertentu akan merosot disebabkan oleh faktor khusus bagi syarikat tersebut, misalnya pendapatan yang rendah, isu pengurusan atau kegagalan produk. Jika anda banyak meleverajkan posisi anda dalam satu syarikat dan prestasinya rendah, risiko ini meningkat dengan ketara dan boleh segera mengakibatkan panggilan margin dan jualan paksa.
Risiko Pengawalseliaan	Ini merujuk risiko perubahan dalam undang-undang atau peraturan yang boleh memberi kesan kepada pelaburan anda. Contohnya, perubahan dalam keperluan margin boleh meningkatkan margin penyelenggaraan, menjadikannya lebih mudah untuk anda menerima panggilan margin, walaupun jika nilai portfolio anda tidak berubah. Ini menambah ketidakpastian kepada pelaburan berleveraj.
Risiko Inflasi	Perbelanjaan pelanggan yang lebih rendah dan kadar faedah tinggi yang dikenakan atas pinjaman syarikat boleh mengakibatkan penurunan keuntungan yang boleh menjejaskan harga saham syarikat.